



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

15 Januari 2018

1. Proses 60 biji telur asin sehari; Harian Metro
2. 1,000 pelajar , guru terjejas bau najis ayam, Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="15"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
15 Januari 2018			



PENTERNAK itik, Mohd Soaud@Saamah bersama anaknya mengutip telur itik yang dimerak di Kampung Permatang Pasir, Pekan.

'Proses' 60 biji telur asin sehari

Teles: Minat terhadap ternakan mendorong warga emas, Mohd Soaud@Saamah Md Yusof, 64, memelihara itik telur untuk jualan segar, selain dijadikan telur asin bagi pasaran tempatan.

Dia yang memelihara itik di Kampung Permatang Pasir, di sini, mempunyai sebanyak 60 itik telur berkualiti tinggi yang mampu menghasilkan telur setiap hari dalam tempoh dua tahun.

Mohd Soaud@Saamah berkata, itik memerlukan makanan khas yang diberikan dua kali sehari pagi dan petang, selain makanan tambahan seperti nasi dimasak dengan ikan bilis.

Katanya, pengeluaran telur mencapai seratus peratus setiap hari iaitu 55 hingga 60 biji dengan saiz lebih besar dan menarik yang dapat memenuhi kehendak pengguna.

"Permintaan terhadap telur segar dan telur

asin begitu mengalakkan, pengguna membuat tempahan beberapa hari sebelum berpeluang mendapatkannya. Harga beraputatan selain kualiti telur menjadi faktor pengguna berminat.

"Itik mula bertelur apabila mencapai usia enam bulan dan selepas dua tahun pengeluaran telur akan menurun, itik sudah boleh dijual dengan harga RM12 sekor," katanya yang menetap di perumahan Taman Permais, di sini.

Lelaki warga emas yang sebelum ini pernah memelihara 400 itik berkata, ancaman ular sawa dan biawak

menyebabkannya mengambil keputusan mengurangkan kepada 60 ekor kerana dalam tempoh tiga tahun, sebanyak 11 ular sawa paya berjaya ditangkap.

Pesara Jabatan Bekalan Air (JBA) Pahang itu berkata, anak itik dibeli dengan harga RM3.90 sekor dan ia memerlukan makanan yang cukup setiap hari bagi memastikan bertelur pada waktu malam.

"Saya menggunakan lampu cahaya putih berkuasa solar sebagai rangsangan kepada itik untuk bertelur pada waktu malam, aktiviti

mengutip telur dan membersihkannya dilakukan pada sebelah pagi.

"Anak bongsu, Suzielah, 22, yang kini menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor, akan membantu mengutip telur termasuk menghasilkan telur asin," katanya bercadang menambah jumlah itik pada masa akan datang.

Mohd Soaud@Saamah berkata, harga pallet yang meningkat kini memaksanya menghasilkan makanan berupa

campuran nasi, lebih ikan biis dan beberapa bahan lain yang mengandungi protein tinggi sebagai pengalag pengeluaran telur.

Sementara itu, Suzielah berkata, masa terluang digunakan untuk membantu bapanya

menguruskan projek ternakan itik yang dusahakan sejak tiga tahun lalu. "Saya minat membantu mengutip telur dan menghasilkan telur asin, tekanya belajar hilang melihat itik bebas makan dan mandi dalam paya," katanya.



SUZIELAH membantu bapanya menghasilkan telur asin.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Alam Sekitar		M/SURAT: <input type="text" value="13"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input checked="" type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
15 Januari 2018			

ALAM SEKITAR

1,000 pelajar, guru terjejas bau najis ayam

➔ Sesi pembelajaran tak selesa selepas sekolah dihurung lalat

Oleh Nur Syazwana Mansor
bhnews@bh.com.my

➔ **Pandang**

Lebih 1,000 warga Sekolah Model Khas Bukit Jenun di sini, terpaksa menjalani sesi persekolahan dalam keadaan kurang selesa, apabila kawasan sekolah itu dihurung lalat, selain terpaksa menghidu bau busuk najis ayam, sejak tujuh bulan lalu.

Masalah lalat dan bau busuk itu didakwa berpunca daripada tindakan pengusaha ternakan membuang najis ayam secara terbuka di ladang kelapa sawit yang terletak kira-kira 300 meter dari kawasan sekolah tersebut.

Tinjauan BH mendapati, najis ayam dilonggokkan secara terbuka di kawasan ladang sawit, menyebabkan kawasan berhampiran termasuk beberapa kampung berdekatan terkena tempas bau busuk dan dihurung lalat.

Pengusaha Kantin Sekolah Mo-

del Khas, Khoiree Abdullah, 48, berkata kehadiran lalat yang banyak meresahkan beliau kerana bimbang ia mencemari makanan yang disediakan dan memudaratkan pelajar.

Katanya, pelbagai langkah pencegahan sudah diambil seperti menabur daun pandan, semburan serai wangi serta mengelap lantai lebih kerap bagi mengurangkan gangguan lalat tetapi gagal.

Bimbang makanan kantin tercemar

"Permiagaan kantin saya turut terjejas kerana ramai ibu bapa tidak mahu anak mereka makan di kantin kerana bimbang makanan tercemar dan memilih membawa bekal," katanya ketika ditemui di kantin sekolah itu, semalam.

Yang dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Model Khas Bukit Jenun, Shafie Awang, berkata masalah ini bukan sahaja mencemarkan makanan, malah menimbulkan rasa tidak selesa se-



Tajul Urus (dua dari kanan) meninjau Sekolah Model Khas Bukit Jenun yang berdepan masalah lalat dan busuk di Pendang, semalam.



Pengawal keselamatan Sekolah Model Khas Bukit Jenun, Ismail Mustajfa menunjukkan longgokan najis ayam di ladang kelapa sawit berhampiran sekolah.

panjang sesi pembelajaran kepada 987 pelajarinya.

"Lebih malang, pelajar yang tinggal di asrama, terpaksa berdepan masalah ini sepanjang masa menyebabkan mereka hilang tumpuan dalam pelajaran," katanya.

Beliau berkata, isu itu sudah dirujuk kepada Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya negeri, Datuk Tajul Urus Mat Zain, yang berjanji bertemu pengusaha ladang ayam terbabit.

"Pengusaha ladang ternakan ayam perlu mempunyai kesedaran sivik terhadap kesan najis dibuang secara terus dalam ladang kelapa sawit yang terletak di tepi jalan," katanya.

Ketua Seksyen Bukan Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah, Zahir Zainuddin, berkata pihaknya akan mengeluarkan notis kepada pemilik ladang ternakan itu bagi memastikan mereka membuang najis ayam mengikut kaedah yang ditetapkan.

Isnin, 15 Januari 2018 BH

[FOTO NUR SYAZWANA MANSOR/BH]

[FOTO AZIZAT SHARIP/BH]